



Forum: Bicara Siasah & Haraki

Topic: pemikiran politik kita

Subject: Re: pemikiran politik kita

Posted by: MFR_STUDIO

Posted on: 2006/10/4 2:24:41

syahid zul wrote:

Quote:

Ada beberapa keraguan:

1)SAya cukup tidak bersetuju dengan hujjah MFR bahawa memetik kata2 ulama itu adalah untuk diperalatkan.Entah kemana terlontarnya pemikiran MFR hingga sanggup utk tidak berlapang dada kepada disiplin ilmu forumer yg lain sehingga menuduh org yg memetik kata2 ulama itu adalah semata2 untuk diperalatkan.Dengan penuh takzim saya minta penjelasan saudara MFR berkaitan isu ini.Dan jika anda benar2 bermaksud demikian SILA MINTA MAAF SECARA TERBUKA....

MFR wrote:

Quote:

satu lagi, **saya** tidak akan menyelitkan kata-kata ulama atau ayat quran dan hadis dalam berbicara soal politik ini **sebagai hujah**,kerana saya kluatir jika **saya** berbuat demikian seolah-olah saya memperalatkan kata2 ulama,ayat quran dan hadis menyokong pemikiran saya.

walaubagaimanapun,**saya sesekali akan petik kata-kata ulama,ayat quran dan hadis buat renungan, supaya orang tidak mendakwa saya cuba untuk mentafsir sendiri kata2 ulama,ayat quran,dan hadis kerana saya mengakui saya bukan seorang yang layak mentafsir** berikutan ilmu saya tidak setinggi mana.Namun saya adalah orang yang mahu pemikiran saya berdiri atas landasan quran dan sunnah.

bacalah betul2 apa yang saya tulis tu. saya tidak kluatir pada saudara untuk memperalatkan kata2 ulama atau tidak...saudara boleh saja petik kata2 siapa saja asal saudara bertanggungjawab atas apa yg saudara nukilkan...dan saya pasti keberanian saudara menulis bukti saudara punya ilmu yg tinggi dan telah mengikuti disiplin ilmu yang diperlukan (husnuzon)...cuma atas faktor diri saya,maka saya mengelak dari menyelitkan kata2 ulama,ayat quran atau hadis sebagai sandaran hujah saya supaya orang tidak akan salah faham dengan mengatakan saya cuba mentafsir apa yg saya petik,padahal ilmu saya dalam tafsiran amat cetek yang belum capai tahap mampu-daya. tetapi tidak pula saya ini menyeleweng dari dasar islam iaitu quran dan sunnah..maka saya akan selit sebagai renungan,maka jika saudara nampak pendirian saya itu seleweng malah sesat,maka tegurlah..insyaAllah saya perbaiki.

syahid zul wrote:

Quote:

2)Sila nyatakan guru2 yg mempengaruhi pemikiran politik saudara.Jika dalam ilmu hadis,setiap rawi itu dikaji dalam2 berkaitan akhlak dan kewarakannya maka samalah juga dalam hal ini.Sila nyatakan.

MFR wrote:

Quote:

segala pemikiran saya hari ini adalah datang dari didikan guru-guru saya.**Namun jika saya ini orang yg salah dan sesat maka tidak lain,semuanya atas diri saya sendiri atas kelemahan memahami didikan para guru saya.**(guru di sini bukan sekadar petik ayat buku,tapi mengikuti kuliah yang diajar oleh guru dalam bentuk individu dan asuhan mereka)

guru-guru yang mendidik saya bukanlah perawi hadis.mereka ajar saya asas ajaran islam sebagaimana ibu bapa saya ajarkan saya tentang kehidupan. saya telah menekankan byk kali bahawa apa yg saya datangkan adalah pendapat peribadi saya dan bukannya hukum islam. saya menyerahkan bab2 hukum kepada para ulama. saya bukan ulama. adakah pendapat peribadi yang tercetus dari didikan perlukan bukti kewarakan guru-guru saya?

syahid zul wrote:

Quote:

3)berkaitan agama itu nasihat.Saya mengikuti kuliah dari Dr. Asri dan beliau menerangkan secara dalam2 ttg perkara ini.Cuma bagi saya,kita tidak hidup dizaman khilafah memerintah.Dan menyertai p/raya bukanlah tindakan mengangkat senjata yg diharamkan dalam hadis.Dan untuk menegur kesilapan pemerintah,kita memerlukan satu platform dan jika difikirkan apakah platform itu pada hari ini,salah satunya ialah parlimen.Mungkin ahli agama boleh menjadi mufti dan menegur tetapi sejauh manakah teguran itu akan diterima pemerintah??Lihat sajalah kes meletakkan bunga di tugu negara,kes jom heboh,af, dan berbagai lagi..saya tidak nampak platform mufti itu sebagai tachiba(kedudukan) yg baik utk menegur di dalam negara yg mempunyai perlembgaan kuffar!!

saya akan jawab persoalan ini kemudian. sebenarnya ada strategi yang boleh dilakukan untuk melaksanakan nasihat kepada pemerintah sehingga pemerintah akan melaksanakan. cuma ramai pejuang agama tidak pernah nampak strategi ini.saya akan bicara secara panjang lebar kemudian.

syahid zul wrote:

Quote:

4)saudara menyebut ttg Quote:

membawa kehidupan (iaitu yg terkandung di dalamnya pelbagai aspek termasuklah politik sebagai salah satu cabangnya) kepada jalan hidup islam secara dakwah itu lebih utama

Mengetahui yg mana lebih utama memerlukan saudara faham benar2 ttg "fiqh keutamaan".Saya nasihat sebelum anda berkata yg mana lebih utama dan yg mana kurang utama elokkan membaca terlebih dahulu buku2 ttg fiqh keutamaan dan al-qaradawi ada menulis ttg fiqh keutamaan ini. Parti islam samada ikhwan muslimin dimesir[telah menyertai politik],jamie islami di pakistan,Hamas di palestin dan dimana jua jaringan ini bersambung adalah hasil dari gelombang kebangkitan dari al-Imam hassan albanna melalui ikhwan muslimin yg menekankan konsep pembinaan individu yg mantap sebelum menyertai dunia dakwah.Diasuh ahli2 melalui usrah,majlis ilmu,ceramah,pengajian

agama secara xformal dan "apa" yg dilakukan oleh parti islam dimana2 sahaja dunia islam adalah sama. Jika saudara MFR ada kelebihan masa maka kajilah ttg perkara ini. Untuk pengetahuan saudara MFR juga parti2 islam ini sering bersemuka, bertanyakan khabar dinegara masing2, berkongsi strategi dan sbgnya. Ternyata proses pembinaan daie2 ini sering ditutup dan dighaibkan kepada umum supaya umum akan menyatakan, Oh dia hanya beserban, berpurdah, berkopiah utk sekadar berlaku riak.

yaa... saya memang tahu ilmu fiqh aulawiyat, tapi kalau ilmu saya ini bercanggah dengan prinsip islam, maka saya berlapang dada menerima kesalahan saya dan saya akan perbaikikan.

dan saya masih yakin bahawa usaha dakwah masih utama di malaysia. saya tumpukan bicara politik ini lebih kepada keadaan di malaysia, tapi kalau ingin bicara tempat lain, lainlah pula suasana politiknya.

saya percaya fiqh aulawiyat itu sesetengahnya bergantung pada situasi dan suasana persekitaran. suatu tempat yang punya suasana politik yang lain akan punya aulawiyat yang lain pula.

syahid zul wrote:

Quote:

Dan yg paling "core" dalam perbincangan ini adalah berkaitan dgn pengambilalihan kuasa yg sgt2 saudara MFR fobikan. Kita disini sbenarnya tidak tahu apakah punca ianya terjadi sedangkan ikhwan muslimin dimesir tlah menyertai p/raja dan hampir menang walaupun berlaku ketidakadilan yg sgt serius dlm sistem demokrasi disana. Jika ada kelapangan, kajilah juga ttg perkara ini. [p/s: ikhwan muslimin tlah diharamkan dan mereka menyertai p/raja sebagai calon bebas n sbg]

saya tidak fobia dengan pengambilankuasa... tapi yang saya fobia ialah tindakan bodoh pejuang dalam melaksanakan perjuangan islam dengan menumpukan kepada pengambilan kuasa, maka berlaku kucar kacir dalam strategi, dan kita tahu apa yang berlaku kepada umat islam awam yang tersepit dalam proses itu.

saya akan bicara panjang mengenai pengambilankuasa. saya tidak menolak bahawa kuasa tadbir urus alam sejagat ini akhirnya akan diwarisi oleh kaum yang bertaqwa.

saya akan ceritakan kemudian bagaimana kuasa pemerintahan negara islam akan kembali pada mereka yang berhak.

satu lagi, saya datangkan definisi politik disebabkan saudara menggunakan perkataan 'politik', maka saya berikan definisi perkataan yang digunakan itu supaya kita menyedari dari mana konsep asal perkataan itu.

jika saudara bermaksudkan politik itu as siasah, maka saya serahkan saja yang lebih mendalam bahasa arabnya untuk mendefinisikannya. oleh itu tidak timbul masalah bagi saya menerima definisi yang mana pun.

semua definisi jika ada beza pun, amat diyakini boleh diperbincangkan atas garis panduan islam. kerana kita berdua masing2 mahu menegakkan politik islam.

cuma saudara berhujah tidak jauh beza dgn para pengamal politik di negara kita yang sekarang ini masih gagal menonjolkan politik yang membawa kepada kesuburan fahaman islam.

apa yang saya dapati, imej islam yang syumul gagal ditonjolkan apabila pejuang agama beramal seperti politik yang dijalankan oleh pengamal politik berkenaan.

saya akan bicara lebih panjang selepas ini. terima kasih kerana meluahkan keraguan.